

Nama Produk: Akaun 360-i OCBC Al-Amin

Apakah Akaun 360-i OCBC Al-Amin?

Akaun simpanan yang memberi ganjaran untuk aktiviti perbankan harian anda

General Information	
Kontrak Syariah	Tawarruq
Definisi dan Ciri-ciri Penting	<p>Tawarruq merujuk kepada dua kontrak jual beli. Kontrak pertama melibatkan penjualan aset oleh penjual kepada pembeli pada bayaran tertangguh. Kontrak kedua melibatkan penjualan aset yang sama oleh pembeli daripada kontrak pertama kepada pihak lain pada harga spot/tunai.</p> <p>Setiap kontrak jual beli di bawah Tawarruq adalah terikat dan tidak boleh dibatalkan secara unilateral oleh mana-mana pihak di dalam kontrak. Sifat setiap jualan dan belian di dalam kontrak adalah pemindahan hakmilik segera daripada penjual kepada pembeli untuk dipertimbangkan.</p>
Bagaimana Produk ini Berfungsi?	<p>Transaksi Tawarruq akan dijalankan melalui urusan dwi agensi. Di bawah urusan ini, OCBC Al-Amin akan bertindak sebagai ejen pelanggan untuk menyelesaikan transaksi Tawarruq. Secara asasnya, Pelanggan adalah penjual dan OCBC Al-Amin adalah pembeli komoditi pada harga tertangguh. Penerangan terperinci adalah seperti berikut:</p> <p>Pelanggan mendepositkan dana* dengan OCBC Al-Amin Bank Berhad (OCBC Al-Amin) dan melantik OCBC Al-Amin sebagai ejen pelanggan untuk membeli komoditi. Komoditi ialah Minyak Sawit Mentah ("CPO") atau lain-lain komoditi bukan Ribawi patuh Syariah yang ditentukan oleh OCBC Al-Amin.</p> <p>*Dana Pelanggan: Harga Belian Pelanggan</p> <p>OCBC Al-Amin membeli komoditi sebagai ejen pelanggan daripada broker pada harga semasa. Jika tiada permintaan untuk serahan fizikal komoditi tersebut, pelanggan memberi kuasa dan melantik OCBC Al-Amin sebagai ejen (Wakil) untuk menjual komoditi tersebut kepada mana-mana pihak, termasuk OCBC Al-Amin sendiri setelah pelanggan memiliki komoditi secara konstruktif (Qabd al-Hukmi) dalam jumlah yang setara dengan Harga Belian Bank. OCBC Al-Amin kemudian membeli komoditi tersebut daripada pelanggan pada harga kos ditambah keuntungan**.</p> <p>**Kos ditambah keuntungan: Harga Belian Bank</p> <p>Keuntungan akan diakru setiap hari dan dikreditkan ke akaun pelanggan pada akhir bulan.</p> <p>Pelanggan dan OCBC Al-Amin juga bersetuju untuk membuat transaksi yang sama seperti di atas dari semasa ke semasa pada setiap hari.</p>
Aset Patuh Syariah	Komoditi yang dibeli adalah komoditi patuh Syariah seperti Minyak Sawit Mentah

Kelayakan													
Umur	Individu yang berumur 18 tahun dan ke atas (untuk akaun individu atau bersama).												
Kewarganegaraan	Terbuka kepada Warga Malaysia, Pemastautin Tetap dan Bukan Pemastautin (tertakluk kepada negara asal).												
Dokumen yang Diperlukan	Kad Pengenalan atau Pasport												
Deposit Permulaan Minimum	RM500												
Baki Minimum untuk Mengekalkan Akaun	RM0 Sebarang transaksi yang menyebabkan baki akaun kurang daripada baki minimum akan ditolak.												
Kadar Keuntungan													
Keuntungan Asas	Anda akan mendapat keuntungan asas untuk keseluruhan baki akaun pada kadar lazim ("Kadar Lazim") yang dikira setiap hari dan dikreditkan ke dalam Akaun 360-i pada akhir bulan ("Keuntungan Asas") pada kadar yang ditentukan oleh OCBC Al-Amin dari semasa ke semasa. Kadar terkini boleh didapati di laman web OCBC Bank di ocbc.com.my												
Keuntungan Bonus	<p>Jika anda memenuhi kesemua syarat berikut dalam satu bulan kalendar:</p> <ul style="list-style-type: none"> (a) kategori "Deposit" dalam jadual 1 di bawah mengikut kepuasan OCBC Al-Amin, anda akan menerima keuntungan bonus untuk kategori "Deposit" pada kadar yang berkaitan; dan/atau (b) kategori "Pembayaran Bil" dalam jadual 1 di bawah mengikut kepuasan OCBC Al-Amin, anda akan menerima keuntungan bonus untuk kategori "Pembayaran Bil" pada kadar yang berkaitan; dan/atau (c) kategori "Kad Debit" dalam jadual 1 di bawah mengikut kepuasan OCBC Al-Amin, anda akan menerima keuntungan bonus untuk kategori "Kad Debit" pada kadar yang berkaitan <p>ke atas baki purata harian sehingga RM100,000 ("Baki Purata Maksimum") untuk bulan kalendar tersebut ("Keuntungan Bonus"). Sila baca terma dan syarat Akaun 360-i OCBC Al-Amin untuk mengetahui dengan lebih lanjut cara-cara untuk memperoleh Keuntungan Bonus.</p> <p style="text-align: center;">Jadual 1</p> <table border="1" style="width: 100%; border-collapse: collapse; margin: 10px 0;"> <thead> <tr style="background-color: #d9ead3;"> <th style="width: 15%;">Kategori</th> <th style="width: 15%;">Keuntungan Bonus[#]</th> <th style="width: 70%;">Keperluan Asas*</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td style="text-align: center;">Deposit</td> <td style="text-align: center;">1.20% setahun</td> <td>Apabila anda mendeposit sekurang-kurangnya RM500 ke dalam Akaun 360-i OCBC Al-Amin*</td> </tr> <tr> <td style="text-align: center;">Pembayaran Bil</td> <td style="text-align: center;">1.20% setahun</td> <td>Apabila anda membuat sekurang-kurangnya 3 pembayaran bil[^] daripada Akaun 360-i OCBC Al-Amin</td> </tr> <tr> <td style="text-align: center;">Kad Debit</td> <td style="text-align: center;">1.20% setahun</td> <td>Apabila anda membuat transaksi berjumlah RM500 secara agregat melalui Kad Debit-i OCBC Al-Amin anda</td> </tr> </tbody> </table> <p>[#]Melalui Perbankan Online OCBC atau Perbankan Internet OCBC (tidak termasuk pembayaran FPX) kepada organisasi pembilan, bank/institusi kewangan lain, dan kemudahan pembiayaan perumahan OCBC Al-Amin milik Pelanggan. Pembayaran kepada kemudahan pembiayaan perumahan milik Pelanggan melalui Akaun 360-i OCBC Al-Amin berdasarkan arahan tetap</p>	Kategori	Keuntungan Bonus [#]	Keperluan Asas*	Deposit	1.20% setahun	Apabila anda mendeposit sekurang-kurangnya RM500 ke dalam Akaun 360-i OCBC Al-Amin*	Pembayaran Bil	1.20% setahun	Apabila anda membuat sekurang-kurangnya 3 pembayaran bil [^] daripada Akaun 360-i OCBC Al-Amin	Kad Debit	1.20% setahun	Apabila anda membuat transaksi berjumlah RM500 secara agregat melalui Kad Debit-i OCBC Al-Amin anda
Kategori	Keuntungan Bonus [#]	Keperluan Asas*											
Deposit	1.20% setahun	Apabila anda mendeposit sekurang-kurangnya RM500 ke dalam Akaun 360-i OCBC Al-Amin*											
Pembayaran Bil	1.20% setahun	Apabila anda membuat sekurang-kurangnya 3 pembayaran bil [^] daripada Akaun 360-i OCBC Al-Amin											
Kad Debit	1.20% setahun	Apabila anda membuat transaksi berjumlah RM500 secara agregat melalui Kad Debit-i OCBC Al-Amin anda											

juga dikira sebagai Pembayaran Bil.

*Sila baca Terma dan Syarat bagi Akaun 360-i OCBC Al-Amin untuk keterangan lanjut. Terma dan Syarat Akaun 360-i OCBC Al-Amin boleh didapati di laman web OCBC Al-Amin di www.ocbc.com.my. Salinan bercetak boleh didapati di mana-mana cawangan OCBC Al-Amin.

#Ini adalah kadar Keuntungan Bonus pada tarikh penerbitan. OCBC Al-Amin berhak untuk mengubah kadar Keuntungan Bonus dari semasa ke semasa melalui notis yang disiarkan di laman web OCBC Al-Amin di www.ocbc.com.my.

Illustrasi untuk Keuntungan Bonus

Jadual 2

Tarikh	Butir	Keuntungan Bonus
Senario A		
Pelanggan A mempunyai sebanyak RM50,000 di dalam Akaun 360-i pada 1 Oktober 2016		
5 Okt 2016	Pelanggan A mendeposit RM200 ke dalam Akaun 360-i	Baki purata harian untuk bulan Oktober 2016 ^(a) $= [4(RM50,000)+11(RM50,200)+9(RM50,500)+7(RM350,500)]\div 31$ $= RM118,070.97$ Keuntungan bonus bulan Oktober 2015 ^(b) $= RM100,000 \times 1.20\% \text{p.a.} \times 31 \div 365$ $= RM101.92$
16 Okt 2016	Pelanggan A mendeposit RM300 ke dalam Akaun 360-i	
25 Okt 2016	Pelanggan A mendeposit RM300,000 ke dalam Akaun 360-i	
Senario B		
Pelanggan B mempunyai sebanyak RM1,000 di dalam Akaun 360-i pada 1 November 2016		
2 Nov 2016	Pelanggan B membelanja RM600 untuk pembelian di pusat membeli belah menggunakan kad debit-i OCBC Al-Amin	Baki purata harian untuk bulan November 2016 ^(a) $= [1(1,000) + 5(RM400) + 5(RM100,400) + 19(RM97,900)] \div 30$ $= RM78,836.67$ Keuntungan bonus bulan November 2016 ^(c) $= RM78,836.67 \times 2.40\% \text{p.a.} \times 30 \div 365$ $= RM155.51$
7 Nov 2016	Pelanggan B mendeposit RM100,000 ke dalam Akaun 360-i	
12 Nov 2016	Pelanggan B membayar RM2,500 daripada Akaun 360-i untuk pembiayaan perumahan OCBC Al-Amin menggunakan arahan tetap	

Penjelasan untuk Jadual 2 :

- (a) Baki purata harian = jumlah baki setiap hari untuk bulan kalendar tersebut kemudian dibahagikan dengan jumlah hari pada bulan kalendar tersebut.
- (b) Dalam Senario A, oleh kerana Pelanggan A memenuhi syarat bagi kategori "Deposit" di dalam bulan Oktober 2016, beliau memperoleh Bonus Keuntungan 1.20% setahun ke atas baki purata harian sehingga RM100,000 sahaja (walaupun baki purata harian beliau adalah RM118,070.97) bagi bulan Oktober 2016 iaitu RM101.92. Jika Pelanggan A tidak membuat sebarang transaksi pada bulan kalendar hadapan iaitu November 2016, maka beliau hanya akan memperoleh Keuntungan Asas pada Kadar Lazim untuk keseluruhan baki akaun iaitu RM350,500, dan beliau tidak akan memperoleh Keuntungan Bonus pada November 2016.
- (c) Dalam Senario B, Pelanggan B memenuhi syarat bagi kategori "Kad Debit" dan "Deposit" dalam bulan November 2016 (beliau tidak memenuhi syarat kategori "Pembayaran Bil" kerana beliau hanya membuat 1 bayaran bil berbanding dengan sekurang-kurangnya 3 sepertimana yang disyaratkan). Oleh itu beliau memperoleh Keuntungan Bonus 2.40% setahun sebanyak RM155.51 untuk bulan November 2016 bagi baki purata harian

	<p>RM78,836.67. Jika Pelanggan B tidak membuat sebarang transaksi pada bulan kalendar hadapan iaitu Disember 2016, kecuali arahan tetap untuk bayaran balik pembiayaan perumahan OCBC Al-Amin (beliau tidak memenuhi syarat bagi kategori "Pembayaran Bil" dengan hanya membuat satu pembayaran bil sahaja), maka beliau tidak akan memperoleh Keuntungan Bonus bagi bulan Disember 2016.</p>
Pengiraan Keuntungan Sekiranya Akaun Ditutup	<p>Sekiranya penutupan akaun berlaku, maka Kadar Lazim akan digunakan untuk mengira keuntungan harian terakru ke atas baki sehingga hari sebelum akaun ditutup bagi bulan kalendar dan tiada Keuntungan Bonus akan dibayar untuk Akaun tersebut. Untuk penjelasan, sekiranya Keuntungan Bonus bagi bulan sebelumnya masih belum dibayar, maka Keuntungan Bonus tersebut tidak akan dibayar.</p>
Terma Lain	<p>Anda hanya boleh membuka SATU Akaun 360-i, sama ada di bawah nama sendiri ataupun nama bersama. Jika atas apa-apa sebab, anda telah membuka lebih daripada satu Akaun 360-i, Keuntungan Asas dan Keuntungan Bonus hanya akan dimasukkan ke dalam Akaun 360-i yang telah dibuka terlebih dahulu. Akaun 360-i yang selanjutnya boleh ditukar kepada Akaun Simpanan Aqil-i atau apa-apa jenis akaun simpanan yang bersesuaian berdasarkan budi bicara OCBC Al-Amin. Di dalam apa jua keadaan, Akaun 360-i yang dibuka selanjutnya tidak akan memperoleh Keuntungan Asas atau Keuntungan Bonus, tetapi hanya akan memperoleh keuntungan asas akaun simpanan padar kadar yang akan ditentukan oleh OCBC Al-Amin daripada semasa ke semasa.</p> <p>Anda tidak perlu mengekalkan baki minimum di dalam akaun tetapi jika baki akaun adalah sifar secara berterusan selama 90 hari, akaun akan ditutup. OCBC Al-Amin akan memberitahu anda melalui SMS atau apa-apa cara lain yang sesuai sebelum akaun ditutup. Pengaktifan semula akaun yang telah ditutup dalam tempoh 3 bulan daripada tarikh penutupan akaun adalah atas budi bicara mutlak OCBC Al-Amin.</p>
Ciri-ciri dan Manfaat	
Rekod: Berasaskan e-Penyata atau Penyata	<p>Urus dana dengan e-penyata bulanan yang boleh didapatkan di Perbankan Online OCBC dan/atau dihantar ke alamat e-mel anda. Anda juga boleh memilih untuk menerima penyata bercetak yang akan dihantar setiap bulan kepada anda.</p> <p>Caj RM10.60 sebulan akan dikenakan dengan setiap permohonan penyata tambahan.</p>
Perlindungan Simpanan	<p>Deposit ini adalah deposit yang layak dilindungi oleh Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM). PIDM menjamin deposit yang layak sehingga had RM250,000 setiap penyimpan setiap bank. Had RM250,000 ini termasuk jumlah prinsipal deposit dan juga kadar/pulangan yang diperolehi. Deposit-deposit perbankan Islam dan konvensional layak untuk had perlindungan RM250,000 secara berasingan.</p> <ul style="list-style-type: none"> • Perlindungan insurans simpanan adalah automatik. • PIDM melindungi simpanan di bank yang dipegang oleh penyimpan. • Tiada caj dikenakan kepada penyimpan untuk perlindungan insurans simpanan. • Sekiranya bank gagal, PIDM akan membayar balik wang simpanan kepada penyimpan. <p>Untuk maklumat lanjut, sila rujuk kepada risalah maklumat PIDM yang boleh didapati di kaunter kami atau layari www.pidm.gov.my</p>

Pengendalian Akaun Dorman	<p>Mana-mana akaun simpanan atau akaun semasa yang tiada aktiviti selama 1 tahun atau lebih dari tarikh transaksi terakhir akan dikira sebagai akaun dorman di bawah Garis Panduan Rangkakerja Perkhidmatan Perbankan Asas oleh Bank Negara Malaysia.</p> <table border="1" style="width: 100%; border-collapse: collapse;"> <tr> <td style="width: 40%; padding: 5px;">Akaun Dorman dengan baki tidak lebih daripada RM10.60</td> <td style="padding: 5px;">Baki akan diserapkan sebagai yuran perkhidmatan dan akaun akan ditutup.</td> </tr> <tr> <td style="padding: 5px;">Akaun Dorman dengan baki melebihi RM10.60</td> <td style="padding: 5px;">Yuran tahunan sebanyak RM10.60 akan dikenakan sehingga baki yang tinggal diletakkan di bawah “Wang Yang Tak Dituntut”. Sila rujuk kepada bahagian “Polisi Wang Yang Tak Dituntut”</td> </tr> </table> <p>Untuk mengaktifkan semula akaun dorman, anda perlu melakukan transaksi simpanan atau pengeluaran melalui kaunter di mana-mana cawangan OCBC Bank (Malaysia) Berhad atau OCBC Al-Amin Bank Berhad dengan sendiri.</p>	Akaun Dorman dengan baki tidak lebih daripada RM10.60	Baki akan diserapkan sebagai yuran perkhidmatan dan akaun akan ditutup.	Akaun Dorman dengan baki melebihi RM10.60	Yuran tahunan sebanyak RM10.60 akan dikenakan sehingga baki yang tinggal diletakkan di bawah “Wang Yang Tak Dituntut”. Sila rujuk kepada bahagian “Polisi Wang Yang Tak Dituntut”
Akaun Dorman dengan baki tidak lebih daripada RM10.60	Baki akan diserapkan sebagai yuran perkhidmatan dan akaun akan ditutup.				
Akaun Dorman dengan baki melebihi RM10.60	Yuran tahunan sebanyak RM10.60 akan dikenakan sehingga baki yang tinggal diletakkan di bawah “Wang Yang Tak Dituntut”. Sila rujuk kepada bahagian “Polisi Wang Yang Tak Dituntut”				
Polisi Wang Yang Tak Dituntut	<p>Sila ambil perhatian bahawa mana-mana akaun dengan baki kredit tetapi kekal dorman selama tujuh (7) tahun atau lebih akan dipindahkan kepada “Wang Yang Tak Dituntut” selaras dengan Akta Wang Tak Dituntut 1965.</p>				
Pengendalian Akaun Bersama	<ul style="list-style-type: none"> Akaun bersama (“Akaun”) boleh dibuka untuk 2 individu atau lebih, yang berumur 18 tahun dan ke atas. Kad Pengenalan/Pasport diperlukan dengan setiap permohonan. Pemegang-pemegang Akaun adalah layak secara bersama ke atas sebarang baki simpanan atau kredit yang terdapat dalam Akaun. Semua arahan berhubung dengan Akaun, termasuk tanpa had berkaitan dengan pengendalian dan penutupan Akaun atau penggantungan atau penamatan perkhidmatan, pertukaran alamat, pegangan surat atau butiran lain tentang pemegang-pemegang Akaun yang didaftar dengan Bank atau sebarang maklumat lain, akan diberikan secara bertulis (atau dengan cara lain yang dibenarkan oleh OCBC Al-Amin) oleh semua pemegang Akaun bersama, kecuali diarahkan sebaliknya melalui surat oleh semua pemegang Akaun bersama. Semua pemegang Akaun bersama mestilah bertanggungjawab secara bersama ke atas semua transaksi yang terbit daripada sesuatu arahan. Jika OCBC Al-Amin menerima arahan yang bercanggah, sama ada daripada atau bukan daripada orang(-orang) yang dibenarkan, OCBC Al-Amin boleh memilih untuk bertindak atas mandat yang diberi oleh semua pemegang Akaun bersama. Sebaik sahaja menerima notis kematian bagi salah seorang pemegang Akaun, OCBC Al-Amin layak untuk membayar baki simpanan atau kredit seperti sewajarnya, kepada pemegang yang tinggal dan jika lebih daripada seorang pemegang dalam nama bersama, asalkan sebelum pembayaran dibuat, OCBC Al-Amin layak untuk menolak sebarang hutang ditanggung oleh pemegang-pemegang Akaun bersama di bawah mana-mana Akaun dengan OCBC Al-Amin dan/atau dengan mana-mana syarikat dalam Kumpulan OCBC daripada baki simpanan atau kredit tersebut. OCBC Al-Amin boleh membenarkan pemegang(-pemegang) Akaun yang masih ada untuk meneruskan operasi Akaun tertakluk kepada keperluan Terma dan Syarat dikenakan oleh OCBC Al-Amin yang dipenuhi. 				

Ringkasan Yuran dan Caj	
Penutupan Awal <ul style="list-style-type: none"> Dalam tempoh 3 bulan dari tarikh pembukaan 	RM20
Akaun Dorman Akaun akan dorman jika tiada sebarang aktiviti dalam masa 1 tahun atau lebih dari tarikh transaksi terakhir <ul style="list-style-type: none"> Akaun dengan baki sehingga RM10.60 Akaun dengan baki melebihi RM10.60 	Baki akan diserap dan akaun akan ditutup. RM10.60 setahun sehingga tahun ke-7, baki (jika ada) akan diklasifikasikan sebagai "Wang Yang Tak Dituntut".
Perkhidmatan ATM <ul style="list-style-type: none"> Pengeluaran/penggantian kad Pengeluaran di ATM bukan OCBC dengan VISA PLUS Pengeluaran di Rangkaian MEPS ATM Pengeluaran melalui Rangkaian ATM HOUSE (HSBC, UOB & Standard Chartered) Pengeluaran di mana-mana cawangan OCBC Singapura 	RM8.00 RM12.00 RM4.24 RM1.00 Tiada Caj
Kad Debit-i Sila rujuk kepada Lembaran Maklumat Produk Kad Debit-i atau Ringkasan Yuran dan Caj bagi caj yang berkaitan dengan Kad Debit-i OCBC Al-Amin.	
Pindahan Dana Interbank GIRO <ul style="list-style-type: none"> Melalui kaunter dan Perbankan Telefon Untuk dua transaksi pertama (dalam masa sebulan) Transaksi berikutnya (dalam masa sebulan) Melalui Perbankan Internet dan Perbankan Mobile 	RM0.53 bagi setiap transaksi untuk setiap akaun. RM2.12 bagi setiap transaksi untuk setiap akaun. RM0.11 bagi setiap transaksi untuk setiap akaun.

Maklumat Perhubungan	
OCBC Al-Amin Berhad	<p>Untuk maklumat lanjut, pertanyaan atau maklum balas tentang produk dan perkhidmatan kami yang terkini, anda boleh menghubungi Pusat Perhubungan kami di 03-8317 5000 atau layari laman web kami di www.ocbc.com.my atau kunjungi mana-mana cawangan OCBC Al-Amin yang berhampiran anda.</p> <p>Anda juga boleh menghubungi kami pada bila-bila masa untuk mengemaskini Maklumat Peribadi anda. Maklumat ini penting bagi kami dalam usaha untuk memberi anda perkhidmatan yang lebih baik. Sila maklum bahawa semua maklumat peribadi anda adalah sulit.</p> <p>Sekiranya anda mempunyai sebarang aduan tentang produk atau tahap perkhidmatan kami, hantarkannya secara bertulis kepada alamat berikut:</p> <p style="text-align: center;">Service Transformation Department, OCBC Bank (Malaysia) Berhad, Level 2, Menara OCBC, 18 Jalan Tun Perak, 50050 Kuala Lumpur</p> <p>Atau, sekiranya anda ingin mendapatkan pandangan pihak berkuasa tentang cara kami mengendalikan aduan, Ombudsman Perkhidmatan Kewangan (dahulu dikenali sebagai Biro Pengantara Kewangan) boleh dihubungi di 03-2272 2811; emel enquiry@ofs.org.my atau Bank Negara Malaysia di 1300 88 5465; emel bnmtelelink@bnm.gov.my</p>
Bank Negara Malaysia	<p>Untuk pertanyaan lanjut tentang Produk Kewangan, sila layari</p> <ul style="list-style-type: none">• www.bankinginfo.com.my• www.insuranceinfo.com.my <p>Anda juga boleh mengunjungi BNMLINK yang berhampiran atau hubungi BNMTELELINK di 1300 88 5465.</p>
Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM)	<p>Hubungi talian hotline di 1-800-88-1266. Boleh didapati dari Isnin hingga Jumaat mulai 8.30 pagi hingga 5.30 petang atau emel kepada info@pidm.gov.my</p>

Kenyataan: Lembaran Maklumat Produk ini adalah untuk tujuan maklumat semata-mata dan tidak mengandungi sebarang nasihat bagi mana-mana perkara yang dibincangkan. Semua maklumat dan bahan termasuk tentang perkhidmatan, produk, maklumat kewangan, data, teks atau perkara-perkara lain yang diberikan adalah seperti 'seadanya' dan 'boleh didapati' dan diberikan untuk maklumat dan rujukan anda sahaja. OCBC Al-Amin tidak menjamin kebergunaan atau kecukupan maklumat yang diberikan dan tidak menanggung liabiliti ke atas mana-mana ralat dan tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang akibat yang timbul daripada mempercayai sebarang pendapat atau kenyataan yang terkandung di sini atau ke atas mana-mana pengeluarannya. Terma dan Syarat yang lebih terperinci bagi **Akaun 360-i OCBC Al-Amin** ini dinyatakan dalam Perkhidmatan dan Akaun Bank – Terma dan Syarat Utama dan Terma dan Syarat lain yang diguna pakai untuk produk ini (jika ada) yang boleh didapati di cawangan OCBC Al-Amin dan di www.ocbc.com.my. Lembaran Maklumat Produk ini adalah sulit dan tidak boleh dikeluarkan semula (secara penuh atau sebahagian) kepada sesiapa sahaja tanpa mendapat kebenaran bertulis daripada OCBC Al-Amin terlebih dahulu.